

21 AUG 1998

Ghafar-gerakan

KELAB VETERAN UMNO PERLUASKAN GERAKAN BANTU NEGARA

PASIR PUTEH, 21 Ogos (Bernama) -- Kelab Veteran Umno sedang berusaha mengumpul lebih 5,000 anggota veteran Umno di seluruh Semenanjung bagi menguatkan gerakan memberi penerangan mengenai politik dan kedudukan ekonomi negara.

Pengerusinya Tun Ghafar Baba berkata anggota-anggota veteran Umno itu akan dikumpulkan dalam satu majlis di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) tidak lama lagi untuk melafazkan ikrar menyokong perjuangan parti dan negara.

"Kita mahu ramai orang boleh bercakap memberi penerangan politik dan kegawatan ekonomi supaya rakyat tidak diselewengkan oleh pihak jahat yang hendak menghancurkan negara ini," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan anggota-anggota veteran Umno bahagian Pasir Puteh di sini, hari ini.

Kira-kira 300 anggota veteran Umno hadir pada majlis itu.

Ghafar, yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri, berkata sempena majlis di PWTC itu, anggota-anggota kelab akan menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha mengatasi kegawatan ekonomi.

"Dr Mahathir mesti meneruskan tugasnya sebagai Perdana Menteri selagi dia mahu. Kita mesti sokongnya sebab beliau adalah seorang pemimpin yang berpengalaman luas mengenai kewangan, memahami tentang kedudukan kewangan negara dan antarabangsa serta berfikiran luas," katanya.

Ghafar berkata kelab itu akan terus memperluaskan gerakannya membantu negara dalam pelbagai aspek walaupun terdapat pihak tertentu yang cuba menghalang.

Sementara itu, bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik yang hadir pada majlis itu, berkata penubuhan kelab itu memberi peluang kepada bekas pemimpin-pemimpin Umno yang tidak mempunyai jawatan untuk bergerak dalam satu landasan bagi memperkukuhkan parti dan negara.

"Ini menambahkan lagi kekuatan kepada Umno keseluruhannya termasuk di peringkat pusat, negeri, bahagian dan akar umbi," katanya.

--BERNAMA

WM NAK